



SOALAN-SOALAN LAZIM

BANTUAN BANJIR AGROBANK 2022/2023

NO.	SOALAN	JAWAPAN
1	Apakah Bantuan Banjir Agrobank 2022/2023?	Bantuan Banjir Agrobank 2022/2023 adalah kemudahan bantuan khas yang ditawarkan oleh Bank kepada pelanggan yang layak dan menghadapi kesukaran meneruskan pembayaran pembiayaan mereka akibat terkesan dengan bencana banjir yang berlaku.
2	Apakah bantuan yang ditawarkan oleh Bank di bawah Bantuan Banjir Agrobank 2022/2023?	Antara bantuan yang ditawarkan adalah:- <ul style="list-style-type: none"> ▪ Bank menawarkan penangguhan sementara bayaran ansuran bulanan untuk tempoh sehingga 6 bulan (Moratorium); dan • Penjadualan dan penstrukturan semula bayaran pembiayaan.
3	Apakah syarat kelayakan Bantuan Banjir Agrobank 2022/2023?	Syarat kelayakan Bantuan Banjir Agrobank 2022/2023: <ul style="list-style-type: none"> • Pelanggan sedia ada Bank yang terjejas berikutan bencana banjir. • Akaun pembiayaan pelanggan masih belum tamat tempoh/matang. • Pemohon/lokasi perniagaan mestilah di kawasan yang berlakunya banjir dan termasuk dalam senarai kawasan yang terkesan sepertimana yang diisytiharkan oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara. • Pembiayaan pelanggan mestilah tidak mempunyai baki tunggakan melebihi 90 hari dari tarikh permohonan dibuat.
4	Apakah jenis pembiayaan yang ditawarkan di bawah Bantuan Banjir Agrobank 2022/2023?	Penangguhan sementara bayaran ansuran bulanan untuk tempoh sehingga enam (6) bulan (Moratorium):- <ul style="list-style-type: none"> • Hanya jenis pembiayaan yang berkonsepkan pembiayaan berjangka sahaja ditawarkan di bawah Bantuan Banjir Agrobank 2022/2023. <p>Penjadualan dan penstrukturan semula bayaran pembiayaan adalah untuk kesemua jenis pembiayaan.</p>
5	Adakah bantuan Bantuan Banjir Agrobank 2022/2023 ini memberi kesan kepada laporan CCRIS pelanggan?	Tidak.
6	Bilakah permohonan Bantuan Banjir Agrobank 2022/2023 boleh mula dibuat?	Pelanggan boleh memohon Bantuan Banjir Agrobank 2022/2023 bermula serta merta sehingga suatu tempoh atau maklumat semasa dari Bank Negara Malaysia (BNM).
7	Bagaimanakah cara untuk memohon Bantuan Banjir Agrobank 2022/2023?	Pelanggan boleh memohon melalui saluran komunikasi rasmi seperti berikut:- <ul style="list-style-type: none"> • Permohonan secara atas talian di pautan https://www.agrobank.com.my/my/flood2022/ • Mengunjungi cawangan Agrobank yang berdekatan.
8	Apakah kesan kepada pembiayaan sedia ada pelanggan jika pelanggan memilih untuk menyertai Bantuan Banjir Agrobank 2022/2023 ini?	Antara kesannya adalah:- <ul style="list-style-type: none"> • Ansuran bulanan, kadar keuntungan Bank dan/atau tempoh pembiayaan mungkin akan berubah ; • Keuntungan masih lagi dikenakan ke atas pembiayaan pelanggan;

		<ul style="list-style-type: none"> Perjanjian Pembiayaan baharu perlu ditandatangani selaras dengan keperluan undang-undang dan pematuhan syariah; Jumlah keseluruhan pembiayaan akan bertambah / berubah berbanding dengan perjanjian pembiayaan asal.
9	Bagaimanakah permohonan bagi pelanggan yang mempunyai lebih daripada satu akaun/jenis pembiayaan?	Pelanggan yang mempunyai lebih daripada satu akaun/jenis pembiayaan di Bank hanya perlu memohon sekali sahaja. Permohonan akan diproses oleh pihak Bank bagi kesemua akaun pembiayaan pelanggan.
10	Bolehkah pelanggan yang terjejas disebabkan banjir memohon moratorium dibawah Pakej Pelindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH)?	<p>Ya boleh sekiranya pelanggan tidak pernah memohon pakej PEMULIH yang telah berjalan dari Julai 2021.</p> <p>Sekiranya pelanggan telah menyertai pakej PEMULIH ini, pelanggan tidak layak untuk memohon moratorium dibawah PEMULIH tetapi boleh dipertimbangkan dibawah pakej moratorium Agrobank*.</p> <p><i>* Tertakluk kepada terma dan syarat</i></p>
11	Bagaimana cara untuk pelanggan mendapatkan maklumat lanjut mengenai program ini?	Pelanggan boleh menghubungi Pusat Panggilan Agrobank di talian 1-300-88-2476